


# Derma organ kurangkan beban pesakit

MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI | 09 Oktober 2016 10:25 PM



GAMBAR HIASAN

**KUALA LUMPUR 9 Okt. - Pendermaan organ terutamanya buah pinggang amat diperlukan pada masa ini memandangkan peningkatan penghidap penyakit tersebut dalam kalangan rakyat Malaysia.**

Pengerusi Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) Malaysia, Datuk Dr. Zaki Morad Mohd. Zaher berkata, golongan lelaki lebih ramai menghidap penyakit buah pinggang iaitu sebanyak 10 peratus lebih tinggi berbanding golongan wanita daripada jumlah keseluruhan pesakit yang menjalani rawatan dialisis di negara ini.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut, sebanyak 70 peratus pesakit yang menerima rawatan terdiri daripada pesakit kencing manis dan jumlah tersebut dijangka terus mencatatkan peningkatan dalam kalangan penduduk berikutan faktor gaya hidup dan amalan pemakanan rakyat di negara ini yang kurang sihat.

“Oleh itu, dengan adanya pendermaan organ iaitu buah pinggang, dapat mengurangkan bebanan pesakit dari segi rawatan dan kos dialisis.

“Setakat ini, kesedaran terhadap pendermaan organ adalah positif, ini boleh dilihat kepada pertambahan penderma, hasil daripada kempen dan ceramah yang dilakukan oleh pihak hospital dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO),” katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Semalam, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesedaran Awam Pendermaan Organ, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, golongan wanita di negara ini lebih ramai berikrar sebagai penderma organ berbanding lelaki iaitu sebanyak 56.84 peratus daripada jumlah keseluruhan pengikrar iaitu 362,450 orang.

Dalam pada itu, Zaki Morad berkata, setiap penderma perlu mendaftar di hospital kerajaan atau swasta untuk berikrar menjadi salah seorang penderma organ dan perlu melalui beberapa prosedur .

“Penderma boleh menderma kepada sesiapa sahaja, tetapi ia dinilai kepada banyak faktor. Apa yang penting adalah kesedaran awam untuk menjadi penyumbang kepada golongan yang memerlukan untuk meneruskan kelangsungan hidup,” ujarnya. - UTUSAN ONLINE